

### III. METODOLOGI

Bab ini menerangkan reka bentuk kajian, kerangka kajian, kawasan kajian, populasi kajian, sumber data, kaedah pengumpulan data, kaedah pengambilan sampel, kaedah analisis data.

#### 3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif (*qualitative*) yang mana ia bersifat aplikasi ilmu (*applied*), dilakukan secara kajian kes (*case study*). Data diperolehi dengan cara temu bual bersemuka atau *face to face interview* di mana kaedah kajian terhadap pada item-item yang digunakan melalui soal selidik serta dengan pendekatan *Purposive Sampling*<sup>1</sup> dan menggunakan metode *Analytical Hierarchy Process* (AHP). Dengan kajian ini, pengkaji menyusun polisi pembangunan insan dari aspek sosial akhlak bagi memperoleh sebuah polisi pembangunan yang mampu menjawab keperluan semasa, cabaran masa depan dan memberikan prioriti dalam menjayakan pembangunan insan di Ibu Kota Jakarta.

#### 3.2. Kerangka Kajian


Kajian penyusunan polisi pembangunan insan ini memerlukan sebuah kerangka pemikiran atau kerangka alur berfikir dan pendekatan yang tepat. Oleh

---

<sup>1</sup> Idris Awang (2008), "*Research Methodology*". (Kertas Kerja pada Kuliah Research Methodology di APIUM Malaysia, 12 Juli 2008), h.3.

kerana itu, kajian ini menggunakan kerangka alur berfikir yang mengacu pada Rajah 2.2. Diagram Aliran Proses AHP. Secara garis besar kerangka pemikiran tersebut dapat dilihat pada Rajah 3.1.

**Rajah. 3.1. Kerangka Alur Berfikir Kajian**



Berdasarkan rajah tersebut di atas, kajian dimulai dengan mengenal pasti sistem, elemen berkesan dalam penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak di Ibu Kota Jakarta. Mengetahui ini dilakukan melalui kajian terhadap beberapa literatur, dokumen pelan pembangunan (RENSTRADA, RPJMD, dll), serta pustaka lain yang relevan. Tahap kajian lalu dilanjutkan dengan penyusunan struktur hirarki kajian melalui analisis sistem. Setelah persoalan dapat didefinisikan, maka dilakukan proses dekomposisi iaitu memecahkan persoalan yang utuh menjadi unsur-unsurnya sampai tidak mungkin dilakukan pemecahan lebih lanjut, sehingga didapatkan beberapa tingkatan dari persoalan yang dikaji dan inilah yang disebut dengan struktur hirarki kajian. Struktur hirarki kajian terdiri atas dua jenis, iaitu struktur induk kajian dan struktur bahagian. Struktur Induk Kajian terdiri atas fokus, matlamat (*goal*), faktor luaran (isu strategik berasaskan situasi dan keadaan lingkungan), faktor dalaman (isu strategik berasaskan implementasi polisi-program), aktor (*stakeholder*), cadangan polisi. Sementara struktur bahagian terdiri atas matlamat (*goal*), strategi dan program.

Tahap berikutnya adalah penyusunan soal selidik AHP. Soal selidik AHP sangat khas dan dibuat sesuai dengan struktur hirarki kajian. Soal selidik inilah yang akan digunakan dalam tinjauan lapangan - kualitatif (AHP) secara *face to face interview*. Hasil isian dari responden kemudian diolah, entri data dan analisis data dengan *software Expert Choice 2000* dalam tahap pengolahan hasil survei kualitatif (AHP). Pengolahan dengan *software* ini akan memberikan hasil berupa faktor-faktor berkesan berikut cadangan polisinya.

### 3.3. Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di wilayah Ibu Kota Jakarta. Pemilihan kawasan ini berdasarkan pada 2 (dua) faktor utama iaitu :

- a. Jakarta memiliki posisi strategik yang diatur dalam peraturan perundangan, iaitu sebagai ibu kota kerajaan Indonesia.<sup>2</sup> Berdasarkan hal ini, maka Jakarta menjadi penentu perkembangan daerah di seluruh Indonesia. Segala perkembangan di Jakarta akan sangat berkesan pada perkembangan di daerah di seluruh Indonesia. Termasuk di dalamnya, perkembangan tentang pembangunan insan. Dengan kata lain, Jakarta adalah penentu arah kecenderungan (*trend setter*).
- b. Jakarta merupakan bandar utama dengan jumlah penduduk terbanyak di Indonesia dan problematika pembangunan insan yang paling kompleks. Dengan jumlah penduduk lebih dari 8,961,680 jiwa di tahun 2006<sup>3</sup>, tentu membawa sejumlah akibat permasalahan sosial ekonomi yang semakin kompleks.

Oleh karena itu, kajian yang dilakukan di kawasan ini dapat dijadikan panduan bagi kawasan-kawasan lain di Indonesia.

---

<sup>2</sup> Undang-Undang Nombor 29 tahun 2007 tentang *Pemerintahan Provinsi DKI Jakarta Sebagai Ibukota Negara Kesatuan Republik Indonesia*. Jakarta : Sekretariat Negara.

<sup>3</sup> BPS Provinsi DKI Jakarta (2007), *Jakarta Dalam Angka*. Jakarta : BPS Provinsi DKI Jakarta.

### **3.4. Sumber Data**

Data yang diperlukan terbahagi kepada dua, yakni :

#### **a. Data Sekunder**

Data ini berkaitan dengan pembangunan insan aspek sosial-akhlak, terutama berkaitan dengan faktor-faktor yang berkesan dalam penyusunan polisi pembangunan ini. Data ini bersumber dari buku-buku pustaka serta dokumen pelan pembangunan kerajaan.

#### **b. Data Primer**

Data ini berkaitan dengan aspirasi dan persepsi *key stakeholders* (pihak-pihak kunci pemangku kepentingan) pembangunan insan aspek sosial-akhlak, terutama terhadap penyusunan polisi pembangunan ini. Data ini bersumber dari pendapat *stakeholders* yang memenuhi kategori pakar, baik kerana kedudukan dan kewenangannya/tanggung jawabnya, keilmuannya mahupun pengalamannya, yang kesemuanya merupakan wakil dari semua unsur *stakeholders*. Individu yang dimaksud diambil dari unsur parlimen (DPRD), kerajaan (pemerintah provinsi), pengetua organisasi masyarakat (ormas atau pertubuhan bukan kerajaan), tokoh masyarakat/tokoh agama, ahli akademik/pengamat, sehingga ke dunia keusahawanan/institusi kewangan.

### **3.5. Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data dan informasi dilakukan dengan metode sebagai berikut:

#### **a. Kajian Perpustakaan**

Metode ini dilakukan untuk mendapat data sekunder yang menyangkut pembangunan insan aspek sosial-akhlak, terutama berkaitan dengan isu-isu strategik atau faktor-faktor yang berkesan dalam penyusunan polisi pembangunan ini.

#### **b. Interview**

Metode ini dilakukan untuk mendapatkan informasi tentang aspirasi dan persepsi *stakeholders* terhadap penyusunan polisi pembangunan insan aspek sosial-akhlak.

### **3.6. Kaedah Pengambilan Sampel**

Kajian ini dijalankan terhadap *stakeholders* pembangunan insan aspek sosial-akhlak di Ibu Kota Jakarta. Populasi kajian terdiri daripada unsur parlimen (DPRD), kerajaan (pemerintah provinsi), pengetua organisasi masyarakat (pertubuhan bukan kerajaan), tokoh masyarakat/tokoh agama, ahli akademik/

pengamat, sehingga ke dunia keusahawanan/institusi kewangan. Pemilihan ini adalah kerana golongan ini merupakan pihak yang memiliki kepentingan dalam menyusun polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak.

Kajian ini bermatlamat untuk menyusun polisi pembangunan insan aspek sosial-akhlak. Untuk memenuhi matlamat ini, pengkaji memilih teknik persampelan *Purposive Sampling* dan menggunakan metode *Analytical Hierarchy Process* (AHP). *Purposive Sampling* adalah teknik pengambilan sampel dengan cara menetapkan kriteria responden terlebih dahulu. AHP tidak mensyaratkan jumlah responden tertentu, kerana 1 (satu) orang sahaja dapat dianggap memadai asalkan benar-benar memenuhi syarat pakar.

Berasas pendekatan dan metode ini, kajian tidak membatasi bilangan responden yang akan menjadi sampel kajian. Kajian hanya membatasi kriteria responden, iaitu responden yang berkategori pakar, baik kerana kedudukan atau kewenangannya, keilmuannya mahupun pengalamannya, yang kesemuanya merupakan wakil dari semua unsur *stakeholders* (*key stakeholders*) pembangunan insan dari aspek sosial akhlak. Berdasarkan hal ini sangat penting *key stakeholders* persoalan yang sedang dikaji dilibatkan sebagai responden mengingat padanya sangat dimungkinkan melekat keempat kategori tenaga ahli.

Responden berjumlah 19 orang yang terdiri dari 12 responden luaran dan 7 (tujuh) responden dalaman. Responden diambil dari unsur parlimen (DPRD), kerajaan (pemerintah provinsi), pimpinan organisasi masyarakat (pertubuhan bukan kerajaan), tokoh masyarakat/tokoh agama, ahli akademik/pengamat, sehingga ke dunia keusahawanan/institusi kewangan seperti tampak pada Jadual 3.1 dan 3.2.

**Jadual 3.1.**  
**Kategori Responden Pakar Dari Stakeholder Luaran**  
**(Wakil Dari Unsur Masyarakat)**

No	Kategori Responden Pakar	Jumlah
1.	Ahli Akademik/Pengamat Pembangunan Insan Aspek Sosial Akhlak	2
2.	Media masa (wartawan/redaksi)	1
3.	Dunia Keusahawanan/Institusi Kewangan	2
4.	Tokoh Masyarakat/Pengetua Badan non Kerajaan	3
5.	Tokoh Agama/Pengetua Badan Keislaman	4
	<b>TOTAL</b>	<b>12</b>

**Jadual 3.2.**  
**Kategori Responden Pakar Dari Stakeholder Dalaman**  
**(Wakil Dari Unsur Kerajaan Dan Parlimen)**

No	Kategori Responden Pakar	Jumlah
1.	Asisten Kesmas/Askesmas/Kepala Biro Administrasi Kesmas atau kaki tangan yang berkuasa (bertanggung jawab)	1
2.	Kepala/Pengetua Bappeda (Badan Perencanaan Pembangunan Daerah) atau kaki tangan yang berkuasa (bertanggung jawab)	1
3.	Kepala/Pengetua Bawasda (Badan Pengawas Pembangunan Daerah) atau kaki tangan yang berkuasa (bertanggung jawab)	1
4.	Kepala/Pengetua BPM (Badan Pemberdayaan Masyarakat) atau kaki tangan yang berkuasa (bertanggung jawab)	1
5.	Kepala/Pengetua Dinas Bintal Kesos (Pembinaan Mental Spirituil dan Kesejahteraan Sosial) atau kaki tangan yang berkuasa (bertanggung jawab)	1
6.	Kepala/Pengetua Biro Ortala (Organisasi dan Tatalaksana) atau kaki tangan yang berkuasa (bertanggung jawab)	1
7.	Anggota Parlimen (DPRD Komisi E)	1
	<b>TOTAL</b>	<b>7</b>

### 3.7. Kaedah Analisis Data

Pengolahan dan analisis data hasil soal selidik (analisis perbandingan berpasangan – AHP) dilakukan dengan menggunakan *software Expert Choice*. *Software* ini dibuat khusus oleh *Expert Choice Inc* Amerika untuk membantu

pembuatan keputusan berasaskan teknologi pembuatan keputusan *Analytical Hierarchy Process*. *Expert Choice* adalah syarikat penyedia *software* dan layanan analisis portofolio perusahaan dan sistem pengambilan keputusan yang berdiri tahun 1983. *Software Expert Choice* memberikan kemudahan menggabungkan kepakaran dan kebijakan dalam mengambil keputusan. Dapat digunakan pada area aplikasi : alokasi sumberdaya (modal), seleksi vendor, pelan strategik, pengurusan modal insan, pengkajian tingkat resiko, pengurusan projek, analisis biaya dan keuntungan.<sup>4</sup>

*Software Expert Choice* memberikan sejumlah sarana : memfasilitasi dalam menemukenali matlamat pembuatan keputusan, memfasilitasi dalam mengenal pasti alternatif solusi yang akan diambil, dan melakukan penilaian kaitan kunci antara matlamat dengan alternatif solusi yang akan diambil. Secara umum, terdapat empat tahap penggunaan *software* ini, iaitu (1) Pembuatan model struktur hirarki, (2) Menentukan prioriti matlamat dan alternatif solusi menggunakan perbandingan berpasangan, (3) Penilaian alternatif, dan (4) Analisis sensitiviti.<sup>5</sup>

Pada kajian ini, *software Expert Choice* digunakan untuk memodelkan struktur hirarki kajian, menghitung nilai darjah keberkesanan dan prioriti polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak di Jakarta 2008-2012, serta penilaian alternatif dan analisis sensitiviti hasil olahan dengan menggunakan skala Saaty dan penghitungan automatik *consistency ratio*-nya.<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> [www.bluestallion.co.za/expertchoice.htm](http://www.bluestallion.co.za/expertchoice.htm); [www.expertchoice.com](http://www.expertchoice.com)

<sup>5</sup> [www.expertchoice.com](http://www.expertchoice.com).

<sup>6</sup> Lihat Jadual 2.1. Skala Saaty di halaman nombor 21 dan ihwal *consistency ratio* di halaman nombor 25-26

Jadi dalam kajian ini, *software Expert Choice* digunakan untuk memodelkan struktur hirarki kajian. Struktur hirarki ini akan menjadi dasar dan sekaligus bahan dari pembuatan soal selidik. Lalu, semua data yang diperolehi daripada responden diproses melalui program komputer ini. Data dianalisis untuk mendapatkan nilai darjah keberkesanan dan prioriti polisi pembangunan insan aspek sosial akhlak di Jakarta 2008-2012. Nilai darjah keberkesanan di setiap aras struktur akan menerangkan kedudukan atau nilai darjah kepentingan/keberkesanan setiap aspek yang dinilai. Nilai darjah ini juga akan menerangkan prioriti setiap alternatif polisi yang ada.

Setelah semua nilai darjah kepentingan/keberkesanan diperolehi, program komputer ini juga akan memberikan penilaian dan analisis sensitiviti atas setiap hasil perhitungan. Hanya perhitungan yang memberikan nilai *concistency ratio* di bawah atau sama dengan 0.10 yang boleh digunakan. Jika tidak memenuhi, maka jawapan responden harus diulang/diperbaiki hingga memenuhi nilai *concistency ratio* yang dibolehkan.